

ZORAMINE ELIXIR

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zoramine Elixir
2. Bagaimana Zoramine Elixir berfungsi
3. Sebelum mengambil Zoramine Elixir
4. Cara menggunakan Zoramine Elixir
5. Semasa menggunakan Zoramine Elixir
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zoramine Elixir
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Zoramine Elixir. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Zoramine Elixir berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemesyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Zoramine Elixir

Zoramine Elixir digunakan untuk mengawal tanda-tanda alahan yang disebabkan oleh antihistamina seperti 'hay fever', rinitis vasomotor (radang pada permukaan dalam hidung yang bukan disebabkan alahan), urtikaria (pembentukan tompok ruam merah akibat bengkak pada bahagian luar kulit), alahan makanan, tindak balas ubat & serum, pruritus (gatal kulit) dan gigitan serangga.

Bagaimana Zoramine Elixir berfungsi

Zoramine Elixir mengandungi *chlorpheniramine maleate* sebagai bahan aktif.

Chlorpheniramine maleate tergolong dalam kumpulan antihistamina dan kurang sedatif berbanding dengan *promethazine*. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, bahan dalam badan yang menyebabkan gejala alahan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil Zoramine Elixir

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Zoramine Elixir sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada *chlorpheniramine maleate*, antihistamina lain yang mempunyai struktur kimia yang hampir sama dengan bahan aktif ubat ini atau kepada mana-mana bahan lain di dalam ubat ini.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai:

- Glaukoma (tekanan bendalir yang terlalu tinggi dalam mata)
- Hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat)

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Antihistamina boleh meningkatkan kesan sedatif depresi sistem saraf pusat, termasuk barbiturat, alkohol, hipnotik, analgesik narkotik, sedatif dan ubat penenang.

Cara menggunakan Zoramine Elixir

-Berapa banyak harus digunakan Kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun:

2 hingga 4 mg, tiga hingga empat kali sehari.

Kanak-kanak berusia 1 hingga 5 tahun:

1 hingga 2 mg, dua kali sehari.

Kanak-kanak berusia sehingga 1 tahun:

1mg, dua kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Guna Zoramine Elixir seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda

-Berapa lama perlu digunakan

Bergantung pada individu. Dapatkan nasihat doktor anda untuk tempoh penggunaan yang sewajarnya.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

ZORAMINE ELIXIR

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml)

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kesan terlebih dos adalah berbeza daripada gangguan sistem saraf pusat kepada tindak balas ransangan. Kesan ubat 'atropine' juga mungkin boleh berlaku seperti;

- Mulut kering
- Anak mata membesar
- Kemerah-merahan di muka, leher atau dada
- Gangguan gastousus

Semasa menggunakan Zoramine Elixir

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zoramine Elixir.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Zoralix Elixir dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan mengambil minuman beralkohol semasa mengambil Zoramine Elixir. Ini kerana antihistamina boleh meningkatkan kesan alkohol dan boleh menyebabkan rasa mengantuk.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Semasa pengambilan Zoramine Elixir, reaksi anda mungkin akan terjejas. Antihistamina boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan jentera sehingga kesan Zoramine Elixir kepada individu dikenal pasti.

Amaran

Untuk rawatan batuk dan selsema;

- (a) Tidak digalakkkan untuk kanak-kanak berumur bawah 2 tahun.
- (b) Gunakan dengan berhati-hati dan dapatkan nasihat doktor / ahli farmasi untuk pengambilan ubat bagi kanak-kanak berumur 2-6 tahun.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zoramine Elixir boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Kesan sampingan antihistamina yang berikut adalah biasa iaitu;

- Rasa sedasi
- Kurang fokus
- Keletihan fizikal dan mental
- Pening
- Tekanan darah tinggi
- Keletihan otot badan
- Hilang keupayaan untuk mengawal pergerakan

Kesan sampingan antihistamina yang lain yang melibatkan gangguan pada gastrousus adalah seperti;

- Loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit
- Sembelit
- Sakit epigastrik (pada bahagian atas abdomen, di bawah tulang rusuk)

Antihistamina juga boleh menyebabkan;

- Sakit kepala
- Penglihatan kabur
- Tinitus (bunyi berdering di dalam telinga)
- Rasa teruja atau mengalami kemurungan
- Mudah marah
- Mengalami mimpi buruk
- Anoreksia (kelhilangan selera makan)
- Sukar untuk membuang air kecil
- Mulut kering
- Kesesakan dada

- Rasa cucukan halus (terutamanya pada tapak tangan dan kaki)
- Tangan menjadi lemah

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zoramine Elixir

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas sentiasa tertutup rapat.

Simpan di tempat terlindung daripada cahaya.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

Zoramine Elixir adalah cecair jernih dengan rasa dan bau aprikot.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:
Setiap 5ml mengandungi 4mg *Chlorpheniramine Maleate*.

-Bahan-bahan tidak aktif:
Vanilla Flavour, Apricot Flavour, Ponceau 4R, Sodium Benzoate, Sucrose, Purified Water.

-Nombor MAL:

MAL19861149AZ

ZORAMINE ELIXIR

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml)

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

-08/01/2016

Nombor siri

BPK (R4/1)250515/00121